



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 18 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JPW LAKSANA 734 PROGRAM TAHUN LALU, BANTU LEBIH 17,000 WANITA DALAM AKTIVITI EKONOMI		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362365/jpw-laksana-734-program-tahun-lalu-bantu-lebih-17000-wanita-dalam	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-17-000-wanita-terima-manfaat-menerusi-program-rangsang-ekonomi	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2393430	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/17/dewan-rakyat-734-program-bantu-wanita-dilaksana-kpwkm-tahun-lepas-nancy/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jpw-laksana-734-program-tahun-lepas-bantu-lebih-17000-wanita-dalam-aktiviti-ekonomi-508997	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/17/jpw-laksana-734-program-tahun-lepas-bantu-lebih-17000-wanita-dalam-aktiviti-ekonomi	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/parlimen-17290-wanita-terima-manfaat-pelbagai-program-selepas-hilang-ketua-rumah-tangga/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=XW5LA-xCkOg	YOUTUBE	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2393298	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/17/17920-wanita-dapat-manfaat-selepas-hilang-ketua-rumah-tangga/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	TASKA WAJIB PAMER PLAK BERDAFTAR		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/02/taska-wajib-pamer-plak-berdaftar/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	GAJET: KAWAN ATAU LAWAN MASA KUALITI BERSAMA KELUARGA?		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/gajet-kawan-atau-lawan-masa-kualiti-bersama-keluarga	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	ADOPT FINLAND'S MODEL OF STABLE HOUSING FOR THE HOMELESS, SAYS NGO		NEUTRAL
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/02/17/adopt-finlands-model-of-stable-housing-for-the-homeless-says-ngo/	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WANITA DISYAKI BUANG BAYI DALAM BEG KERTAS DIREMAN EMPAT HARI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-disyaki-buang-bayi-dalam-beg-kertas-direman-empat-hari/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1362462/kes-buang-bayi-wanita-direman-empat-hari-bayi-stabil	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/jenayah_mahkamah/nnews.php?id=2393329	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1188096/wanita-disyaki-buang-bayi-direman-empat-hari	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/17/wanita-tinggalkan-bayi-dalam-beg-kertas-direman/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/713189/berita/semasa/ibu-buang-bayi-di-perhentian-bas-direman-empat-hari	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-disyaki-buang-bayi-direman-empat-hari-508987	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PENSYARAH DIDAKWA CABUL DUA PENUNTUT LELAKI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/17/pensyarah-didakwa-cabul-dua-penuntut-lelaki/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/pensyarah-didakwa-cabul-dua-penuntut-lelaki/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/713196/berita/semasa/pensyarah-warga-bangladesh-nafi-cabul-dua-pelajar-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1362452/pensyarah-warga-bangladesh-mengaku-tak-salah-cabul-2-penuntut-lelaki	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pensyarah-warga-bangladesh-didakwa-cabul-2-pelajar-lelaki/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1188172/pensyarah-warga-bangladesh-nafi-cabul-dua-penuntut-lelaki	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=zVrzgzMdqeQ	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JPW laksana 734 program tahun lalu, bantu lebih 17,000 wanita dalam aktiviti ekonomi

Bernama - Februari 17, 2025 @ 1:56pm



Datuk Seri Nancy Shukri. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan 734 program bagi membantu wanita dalam aktiviti ekonomi di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata 17,290 wanita telah menerima manfaat melalui pelbagai program, kursus dan latihan serta bimbingan mengenai pengurusan kewangan dalam bidang keusahawanan.

"Antara contoh program yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan ekonomi kaum wanita khususnya ibu tunggal dan suri rumah yang kehilangan ketua rumah tangga ialah program berasaskan konsep *circular economy*, iaitu Program Ekonomi Pembangunan Mampan (OMEGA) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Program ini merupakan sebahagian daripada program kemahiran dengan matlamat menjana pendapatan peserta melalui penghasilan produk yang mempunyai nilai komersial dari sumber bahan-bahan terbuang atau terpakai," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin (PN-Kuala Kedah) yang ingin tahu pelaksanaan bentuk program sokongan bagi merangsang status ekonomi kaum wanita dan keluarga yang kehilangan ketua rumah tangga serta statistik kumpulan itu yang terdapat dalam Parlimen Kuala Kedah.

Nancy berkata daripada jumlah itu 1,043 wanita di negeri Kedah termasuk ibu tunggal telah menerima manfaat melalui 49 program yang telah dilaksanakan.

"Peserta bagi program OMEGA di Kedah, ia meliputi pelbagai kawasan termasuk Alor Setar, Sungai Petani, Padang Serai, Pendang, Lunas, Baling dan banyak lagi. Pada tahun 2024, seramai 27 orang wanita dari negeri Kedah telah menyertai program ini.

"Alhamdulillah, lebih 65 peratus daripada mereka telah berjaya meningkatkan 50 peratus jumlah pendapatan berbanding sebelumnya," katanya. – BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	JPW LAKSANA 734 PROGRAM TAHUN LEPAS, BANTU LEBIH 17,000 WANITA DALAM AKTIVITI EKONOMI		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	18 FEB 2025	M/SURAT :	13
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

JPW laksana 734 program tahun lepas, bantu lebih 17,000 wanita dalam aktiviti ekonomi

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan 734 program bagi membantu wanita dalam aktiviti ekonomi di seluruh negara sepanjang tahun lepas.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata 17,290 wanita telah menerima manfaat melalui pelbagai program, kursus

dan latihan serta bimbingan mengenai pengurusan kewangan dalam bidang keusahawanan.

“Antara contoh program yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan ekonomi kaum wanita khususnya ibu tunggal dan suri rumah yang kehilangan ketua rumah tangga ialah program berasaskan konsep circular economy, iaitu Program Ekonomi Pembangunan Maman (OMEGA) dengan kerjasama Universiti Putra

Malaysia (UPM).

“Program ini merupakan sebahagian daripada program kemahiran dengan matlamat menjana pendapatan peserta melalui penghasilan produk yang mempunyai nilai komersial dari sumber bahan-bahan terbuang atau terpakai,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin (PN-Kuala Kedah)

yang ingin tahu pelaksanaan bentuk program sokongan bagi merangsang status ekonomi kaum wanita dan keluarga yang kehilangan ketua rumah tangga serta statistik kumpulan itu yang terdapat dalam Parlimen Kuala Kedah.

Nancy berkata daripada jumlah itu 1,043 wanita di negeri Kedah termasuk ibu tunggal telah menerima manfaat melalui 49 program yang telah dilaksanakan.

“Peserta bagi program

OMEGA di Kedah, ia meliputi pelbagai kawasan termasuk Alor Setar, Sungai Petani, Padang Serai, Pendang, Lunas, Baling dan banyak lagi. Pada tahun 2024, seramai 27 orang wanita dari negeri Kedah telah menyertai program ini.

“Alhamdulillah, lebih 65 peratus daripada mereka telah berjaya meningkatkan 50 peratus jumlah pendapatan berbanding sebelumnya,” katanya. — Bernama



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm     

TAJUK :	17,290 WOMEN GET HELP FROM GOVT PROGRAMMES		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	18 FEB 2025	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

17,290 women get help from govt programmes

A TOTAL of 17,290 women have benefited from programmes designed to improve their economic standing, says Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said 734 programmes were implemented nationwide last year to support women in economic activities, including courses, training and financial management guidance in entrepreneurship.

“One example is the circular economy-based programme, the Sustainable Development Economic Programme (Omega), in collaboration with Universiti

Putra Malaysia (UPM).

This skills development initiative aims to (help them) generate income by creating commercially viable products from waste or used materials,” she told Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin (PN-Kuala Kedah), who had asked about the government’s support programmes for women and families who have lost their husbands or heads of household.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Taska wajib pameran plak berdaftar



Ini merupakan salah satu kaedah bagi memastikan ibu bapa atau penjaga dapat mengenalpasti dan menghantar anak ke taska yang berdaftar serta membantu usaha kerajaan menangani isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak di taska.

Oleh Rencana Utusan 17 Februari 2025, 9:00 am

Menurut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat 1,080 buah taska yang tidak berdaftar di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 95 buah taska tidak berdaftar tersebut terletak di Sarawak.

Sehingga 31 Januari 2025, jumlah taska berdaftar di Sarawak adalah sebanyak 142 buah. Daripada jumlah ini, 103 merupakan taska institusi, 14 buah taska di tempat kerja, empat buah taska komuniti dan 21 buah adalah taska di rumah. Kesemua bahagian di Sarawak kini telah mempunyai taska berdaftar dengan Bahagian Kuching mencatatkan jumlah taska berdaftar tertinggi iaitu 65 buah diikuti oleh Bahagian Samarahan 22 buah, Bahagian Miri sebanyak 13 buah taska dan lain-lain bahagian sebanyak 42 buah. Sehingga 10 Januari 2025, sebanyak 20 buah taska telah berjaya mendapat perakuan pendaftaran, 16 buah taska telah berhenti operasi, dan 59 telah diberi notis peringatan dan dalam tindakan selanjutnya oleh JKMs.

Pada 10 Januari 2025 yang lalu, KPWKMs telah melancarkan inisiatif untuk mewujudkan plak taska berdaftar bagi memastikan masyarakat dapat mengetahui sama ada sesebuah taska itu berdaftar atau tidak dengan pantas selain daripada membuat semakan di laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat di www.jkm.gov.my. Inisiatif ini merupakan salah satu kaedah bagi memastikan ibu bapa atau penjaga dapat mengenalpasti dan menghantar anak ke taska yang berdaftar serta membantu usaha kerajaan menangani isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak di taska.

Kami menyeru semua pihak terutama taska yang belum berdaftar agar segera melaksanakan proses pendaftaran dalam usaha memastikan persekitaran kanak-kanak adalah selamat dan mencapai piawaian yang minimum. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gajet: Kawan atau lawan masa kualiti bersama keluarga?

Kolumnis - Dicipta: 17 Februari 2025 01:58 PM - Kemas kini: 17 Februari 2025 02:17 PM




FOTO HASAN

SAUDARA PENGARANG

Di era digital ini, meluangkan masa berkualiti bersama keluarga tanpa gangguan skrin menjadi semakin sukar. Gajet seperti telefon pintar dan tablet sentiasa mengiringi. Di Malaysia, kebanyakan remaja serta orang dewasa memiliki peranti mereka sendiri. Kanak-kanak kecil juga sering diberikan gajet, sama ada untuk tujuan pembelajaran, hiburan atau sebagai alat untuk membantu ibu bapa menenangkan mereka.

Hal ini membuktikan bahawa gajet bukan lagi sekadar alat komunikasi tetapi telah menjadi alat yang menyediakan pelbagai fungsi dalam kehidupan seharian. Namun, adakah ia benar-benar membantu dalam membentuk masa berkualiti bersama keluarga, atau sebaliknya menjadi penghalang?

Teknologi telah mewujudkan komunikasi tanpa sempadan dan membolehkan ahli keluarga yang berjauhan tetap berhubung dengan mudah. Gajet juga memberikan akses yang lebih luas dan mudah untuk ahli keluarga meluangkan masa berkualiti melalui teknologi seperti bermain permainan video atau menonton filem bersama.

Penggunaan gajet boleh dianggap sebagai suatu pendekatan baru untuk mendapatkan masa yang berkualiti bersama keluarga. Pendekatan ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui penggunaan gajet secara seimbang dan terkawal. Namun, pada masa sama, ia boleh menyebabkan pengurangan interaksi fizikal dalam persekitaran rumah.

Di era ini, ahli keluarga cenderung untuk lebih asyik dengan telefon masing-masing ketika meluangkan masa bersama. Jika kita melihat kembali kehidupan tanpa gajet, interaksi secara bersemuka antara ahli keluarga lebih banyak berlaku melalui perbualan dan aktiviti bersama yang menjadi keutamaan.

Situasi ini telah menjadi fenomena dalam kalangan masyarakat kerana budaya masyarakat yang sering bergantung kepada gajet sepanjang masa. Kehidupan yang sibuk dan tekanan harian sering membuatkan individu mencari hiburan atau mendapatkan berita terkini melalui gajet mereka. Malah, ketiadaan peraturan yang jelas mengenai penggunaan gajet di rumah ketika bersama keluarga turut menyumbang kepada masalah ini. Pada masa ini, interaksi lebih banyak berlaku dalam dunia digital berbanding secara bersemuka, yang membawa perubahan ketara dalam hubungan kekeluargaan.

Kesannya, hubungan kekeluargaan akan renggang apabila ahli keluarga merasa diabaikan dan terasing akibat kurangnya perhatian serta komunikasi yang bermakna. Contohnya, apabila seorang anak ingin bercerita tentang harinya di sekolah, tetapi ibu bapa lebih fokus pada skrin telefon, anak tersebut mungkin merasa tidak dihargai dan mula menjauh.

Aktiviti yang dahulunya menjadi ruang untuk membina keakraban, kini semakin terpinggir. Ini boleh mengurangkan keterlibatan emosi seperti empati, sokongan, dan kasih sayang dalam keluarga kerana ahli keluarga tidak lagi meluangkan masa untuk berbual atau berkongsi cerita secara langsung. Hubungan yang sepatutnya menjadi tempat berteduh dan sokongan emosi akhirnya berubah menjadi sekadar kehadiran fizikal tanpa keterikatan yang erat.

Jika situasi ini berterusan dalam jangka masa yang panjang, ia bukan sahaja menjejaskan hubungan kekeluargaan tetapi juga menjejaskan perkembangan sosial dan pembangunan emosi ahli keluarga, terutama kanak-kanak. Kanak-kanak memerlukan interaksi fizikal untuk membina kemahiran sosial, seperti mengenali dan memahami isyarat emosi serta mentafsir isyarat sosial melalui ekspresi wajah dan bahasa tubuh.

Kanak-kanak yang kurang berinteraksi secara langsung mungkin sukar mengekspresikan emosi mereka, lebih selesa berkomunikasi melalui skrin, dan akan menghadapi cabaran dalam membentuk hubungan yang erat dengan keluarga serta rakan sebaya. Keadaan ini menyekat perkembangan sosial serta pembangunan emosi kerana mereka tidak mendapat peluang yang mencukupi untuk berinteraksi.

Tanda-tanda awal keluarga yang menghadapi masalah komunikasi kerana penggunaan gajet boleh diperhatikan melalui sikap serta perubahan emosi. Daripada segi sikap, amalan berbual dan berbincang tentang sesuatu isu bersama ahli keluarga semakin jarang dipraktikkan, dan ahli keluarga juga dilihat kurang melakukan aktiviti secara bersama. Sebaliknya, mereka lebih memilih untuk senyap bermain gajet masing-masing semasa berkumpul, terutamanya pada waktu makan.

Tanda-tanda emosi pula jelas kelihatan apabila wujudnya frustrasi dan ketidakpuasan, terutama apabila melihat ahli keluarga sibuk bermain gajet. Keterikatan dan sokongan emosi dalam keluarga turut renggang kerana setiap ahli keluarga sibuk dengan urusan masing-masing.

Sekiranya terdapat tanda-tanda seperti ini, adalah penting bagi ahli keluarga untuk mengambil langkah awal dan memainkan peranan dalam mengawal penggunaan gajet di kalangan mereka. Salah satu strategi yang boleh digunakan ialah mengadakan perbincangan terbuka mengenai penggunaan gajet dalam keluarga untuk memastikan setiap ahli memahami kesan negatif penggunaan gajet yang berlebihan terhadap hubungan dan komunikasi keluarga. Selepas perbincangan, langkah seterusnya ialah menetapkan peraturan atau waktu tertentu serta zon tanpa gajet bagi meningkatkan interaksi keluarga.

Selain itu, ibu bapa boleh mengatur aktiviti yang menarik seperti aktiviti luar, permainan keluarga, aktiviti kreatif, atau sukarela yang melibatkan semua ahli keluarga. Ibu bapa juga perlu menjadi contoh yang baik dengan mengurangkan penggunaan gajet semasa masa kualiti keluarga dan sentiasa menunjukkan kepada anak-anak bahawa komunikasi secara langsung, seperti berbual, adalah sangat penting.

Namun, sekiranya terdapat ketagihan terhadap penggunaan gajet, adalah penting untuk mendapatkan bantuan daripada profesional. Walaupun ini bukan satu perkara yang mudah, dengan sokongan dan galakan yang betul, ia mampu mendorong ahli keluarga untuk sama-sama memperbaiki dan meningkatkan masa kualiti keluarga.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Prof Madya Dr. Azmawaty Mohamad Nor, Nor Aisyah Md Nor

Timbalan Dekan Ijazah Dasar

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Ahli Lembaga, Lembaga Kaunselor Malaysia dan Kaunselor Berdaftar

Lembaga Kaunselor Malaysia

Emel: azy_mn@um.edu.my



Nor Aisyah Md Nor

Kaunselor Pelatih di Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Adopt Finland's model of stable housing for the homeless, says NGO

Tan Chin Tung - 17 Feb 2025, 07:00 AM

Yayasan Chow Kit says Finland provides permanent housing to the homeless without the need to be 'housing ready'.



People from other states don't mind being homeless in Kuala Lumpur because of shelters and meals from charities, says an NGO leader.

PETALING JAYA: The government has been urged to tackle homelessness by emulating Finland's "Housing First" approach, which prioritises immediate access to permanent but affordable housing without the need for a person to be "housing ready".

Having access to a stable home enables the homeless person to tackle other pressing matters such as unemployment, mental health and addiction, said Hartini Zainudin co-founder of the Yayasan Chow Kit charity.



Hartini Zainudin.

"The Housing First model prioritises providing stable housing without preconditions. The Malaysian government should partner with property owners to secure affordable housing units and accelerate the development of low-cost housing projects," she told FMT.

She said the Finnish government, with the help of NGOs and local authorities, converted many temporary hostels and emergency shelters into permanent housing under the Housing First initiative since the early 2000s.

According to Housing First Europe, the number of homeless people living in hostels or boarding houses in Finland decreased by 76% from 2008 to 2017.

The initiative, equipped with optional support services, stands apart from the "treatment first" model, which requires individuals to demonstrate that they can live independently before they can gain access to housing.

Laili Ismail, acting president of the Pertiwi soup kitchen group, said temporary shelters should have a "homely" environment to give homeless people a sense of stability – a feature taken up by Singapore in its shelter designs.

"An environment reminiscent of a home provides stability and gives people the drive to strive to be independent. They can think better and would want to be able to own a similar place they can call home," she said.



Laili Ismail.

Last Monday, Kepong MP Lim Lip Eng urged the welfare department to adopt best practices from countries with low rates of homelessness, such as Japan, Singapore, and Finland, to develop long-term solutions to the problem in Kuala Lumpur.



Lim Lip Eng.

Lim also said the department could collaborate with higher education institutions to carry out research into the root causes of homelessness.

Hartini said Japan had enacted a law to help homeless people achieve independence; the law requires the Japanese government to hold a nationwide survey of the homeless population in cooperation with local authorities.

Support services come next

Hartini said the House First initiative should be paired with a comprehensive support system that includes integrated service centres providing rehabilitation programmes for addicts, mental health counselling and job placement services for those seeking financial independence.

"Job training programmes should be expanded to tailor to the needs of the homeless population," she said and urged the government and NGOs to partner with local businesses to create employment opportunities.

Laili said academic research was necessary to better understand the homeless population in KL, including identifying at-risk groups and analysing demographic trends.

"It's been observed that many people from other states don't mind being homeless in KL because they can rely on the shelters provided by Kuala Lumpur City Hall and meals provided by NGOs," she said.

Laili also claimed that some retirees visited soup kitchens not because they were currently living in poverty, but out of fear that their savings might soon be depleted.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CUCKOO BAWA ANAK RUMAH KEBAJIKAN TIMBA PENGALAMAN MENARIK

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 FEB 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

CUCKOO bawa anak rumah kebajikan timba pengalaman menarik

Dalam usaha menyebarkan kegembiraan, merangsang kreativiti dan pembelajaran, CUCKOO International mengambil inisiatif menganjurkan program Lawatan ke KidZania, menerusi Projek CUCKOO Loves, Cares.

Program ini memberi peluang kepada 107 kanak-kanak dari lima rumah kebajikan sekitar Lembah Klang untuk menikmati pengalaman penuh pembelajaran dan aktiviti menyeronokkan.

Lima rumah kebajikan itu ada-

lah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mary Kuala Lumpur, Yayasan Sunbeams Home, Persatuan Rumah KIDS, Rumah Kasih Nurul Hasanah dan Pusat Jagaan Beribuan Kasih.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif CUCKOO International, Hoe Kian Choon, berkata inisiatif itu diharap dapat menyemai semangat keyakinan dalam diri kanak-kanak terabit sekali gus boleh mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.



CUCKOO International membawa kanak-kanak menyertai program lawatan ke KidZania, menerusi Projek CUCKOO Loves, Cares.

"Kami percaya kanak-kanak adalah masa depan komuniti. Program seperti ini bukan sahaja memberi mereka pengalaman menyeronokkan tetapi juga inspirasi untuk mencapai cita-cita mereka," katanya.

Beliau berkata, selain membekalkan kegembiraan, program itu turut menyemarakkan rasa ingin tahu, minat untuk belajar dan memberi inspirasi kepada kanak-kanak untuk bercita-cita lebih tinggi.

Projek ini sebahagian daripada

usaha CUCKOO International dalam memperkasakan komuniti, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), khususnya dalam menyokong Pendidikan Berkualiti untuk semua.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PROJEK TERUS BELAJAR PERKASA KEMAHIRAN LITERASI KANAK-KANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 FEB 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Projek Terus Belajar perkasa kemahiran literasi kanak-kanak

PERTIWI ambil inisiatif sokong pelajar kurang bernasib baik tingkat kemajuan dalam pendidikan

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
bhrencana@bh.com.my

Sejak ditubuhkan pada 17 November 1967, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI) adalah satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memainkan peranan penting dalam arena kesukarelawan di Malaysia.

Pertubuhan ini bukan sahaja terbabit secara aktif dalam aktiviti kebajikan, malah mampu mempengaruhi dasar kerajaan terutama dalam hal ehwal wanita.

Ketika dunia dilanda COVID-19, PERTIWI Soup Kitchen aktif menyalurkan makanan percuma, bantuan perubatan dan khidmat nasihat kepada gelandangan di ibu kota.

Dengan pengalaman yang luas dan ratusan sukarelawan, pertubuhan itu kemudian menjadi tempat rujukan dan penyelesaian kepada pelbagai masalah dialami gelandangan.

Walaupun dikenali menerusi projek Soup Kitchen, pemangku Presidennya, Laili Ismail, berkata PERTIWI yang ditubuhkan oleh Allahyarham Datuk Munirah Abdul Hamid bermula dengan inisiatif mengajar golongan



Khairy bersama tetamu yang hadir ketika pelancaran projek Terus Belajar di Perpustakaan Kuala Lumpur, baru-baru ini. (Foto ihsan FB Perpustakaan Kuala Lumpur)

dewasa di kawasan pedalaman membaca.

Katanya, PERTIWI sejak awal penubuhannya sentiasa berkecimpung dalam bidang pendidikan.

"Pada 1967, PERTIWI pergi ke kampung-kampung untuk membantu golongan dewasa yang buta huruf.

"Mereka menubuhkan perpustakaan mini dan saya masih ingat, ketika itu saya pergi bersama seorang makcik yang tidak pandai membaca untuk menghadiri kelas," katanya ketika melancarkan projek Terus Belajar di Perpustakaan Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Projek dilancarkan oleh bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan dihadiri Pengarah Eksekutif Tadika Raihan, Zuhairah Ali.

Kemajuan pendidikan

Laili berkata, menyedari kepentingan membaca dalam kalangan kanak-kanak miskin bandar, PERTIWI kemudian melaksanakan projek Terus Belajar.

Katanya, projek itu dilaksanakan dengan kerjasama Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) Chow Kit, dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

"Inisiatif ini bertujuan menyokong pelajar kurang bernasib baik di SBJK serta memberikan impak positif sebagai satu tonggak strategi PERTIWI untuk kemajuan pendidikan.

"Ia menandakan permulaan perjalanan transformasi yang memperkasakan kanak-kanak dengan kemahiran literasi asas," katanya.

Tambahnya, projek Terus Belajar akan menjadi alternatif

kaedah pendidikan PERTIWI bagi meningkatkan tahap literasi dan numerasi bagi 37 kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur antara 7 hingga 12 tahun yang berasal dari keluarga bandar berpendapatan rendah sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur.

"Kami bersyukur atas sokongan Yayasan Hasanah dan kerjasama dengan UniMAP, yang memulakan projek rintis ini sejak Januari lalu.

"Dalam tempoh hanya dua bulan, ia sudah menunjukkan perbezaan dalam kehidupan pelajar yang menyertainya," katanya.

Mengenai perbezaan dan kaedah yang digunakan dalam projek Terus Belajar, Laili berkata, mereka menggunakan buku *Terus Membaca* edisi ke-10.

Katanya, sejak diterbitkan per-

tama kali pada 1965, buku itu direka khas untuk meningkatkan kemahiran membaca dan mempercepat pemahaman dalam kalangan kanak-kanak.

"Buku *Terus Membaca* akan digunakan untuk program Pertiwi Terus Belajar menerusi bimbingan tujuh tenaga pengajar khas yang dilantik dan tiga pembantu tutor sepanjang tempoh projek awal selama satu setahun.

"Buku berkenaan memainkan peranan penting dalam projek ini dengan potensi memberikan impak besar kepada kehidupan pelajar muda. Melalui projek ini, kami ingin memupuk budaya membaca dan pembelajaran di kalangan kanak-kanak yang memerlukan," katanya.

Sementara itu, Zuhairah yang juga penulis bersama buku *Terus Membaca*, berkata siri pertama buku berkenaan ditulis oleh ibunya, Datuk Dr Nooraihan Amar Sallehuddin, seorang pelopor dalam kaedah pembelajaran awal.

"Ia mempunyai rekod prestasi yang terbukti dan pendekatan inovatif terhadap membaca dan memberikan manfaat kepada ramai kanak-kanak bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di negara Asia Tenggara yang lain.

"Kaedah ini sangat berjaya dalam memelopori literasi, terutama di Filipina, apabila pendekatan inovatif berkenaan berjaya mentransformasi landskap pendidikan," katanya.

Tambahnya, buku *Terus Membaca* edisi ke-10 direka dengan teks, kod QR audio dan ilustrasi baharu untuk memenuhi keperluan literasi generasi muda masa kini.

"Cetakan pertama ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 1,000 pelajar," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WANITA KENA REMAN EMPAR HARI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 FEB 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

BUANG BAYI DI HENTIAN BAS

Wanita kena reman empat hari

Georgetown: Wanita ditahan berusia 20 tahun di-reman empat hari bagi membantu siasatan kes buang bayi lelaki di perhentian bas Jalan Perak, Pulau Tikus di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad berkata, reman terhadap wanita itu yang juga ibu bayi berkenaan sehingga 20 Februari.

“Suspek dan bayi lelaki

berkenaan kini ditempatkan di wad Hospital Pulau Pinang bagi rawatan dan kedua-duanya dalam keadaan stabil.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksamaan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, orang awam menemui bayi malang itu yang diletakkan dalam beg kertas dan ditinggalkan di atas tempat duduk perhentian bas berkenaan pada jam 8.03 pagi Ahad.

“Suspek dan bayi lelaki berkenaan kini ditempatkan di wad Hospital Pulau Pinang bagi rawatan dan kedua-duanya dalam keadaan stabil”

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENSYARAH NAFI CABUL 2 PENUNTUT LELAKI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 FEB 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pensyarah nafi cabul 2 penuntut lelaki

Melaka: Seorang pensyarah sebuah universiti awam di pantai timur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret, di sini, semalam atas dua pertuduhan mencabul kehormatan dua penuntut lelaki, tahun lalu.

Tertuduh M Rezaul Karim, 54, yang juga warga Bangladesh membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Inggeris di hadapan Majistret Nur Afiah Radhiah Zainur.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap dua penuntut lelaki berusia 23 tahun dengan maksud untuk mencabul kehormatan dengan cara menyentuh dan mencubit kemaluan mangsa.

Kesalahan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan didakwa dilakukan di dalam bilik sebuah hotel dalam daerah Melaka Tengah kira-kira jam 3.15 pagi dan 2.30 pagi pada 24 dan 25 Oktober 2024.

Pegawai Pendakwa Inspektor Norhayati Yusof tidak menawarkan jaminan, namun memohon mahkamah menetapkan syarat tambahan jika membenarkan tertuduh sebagai warga asing diikat jamin.

Peguam Mohd Faiezad Razali memohon jaminan rendah kerana tertuduh yang bekerja sebagai pensyarah kontrak mempunyai tanggungan isteri dan tiga anak berusia tiga hingga 10 tahun.



M Rezaul didakwa atas dua tuduhan mencabul kehormatan dua penuntut lelaki di sebuah hotel.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WARGA BANGLADESH KURUNG, CEDERAKAN WANITA OKU KENA DENDA RM2,000

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 FEB 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Melaka: Seorang pembantu kedai runcit warga Bangladesh didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret, di sini, semalam atas kesalahan mengurung dan mencederakan wanita orang kurang upaya (OKU) secara salah, Oktober lalu.

Majistret Nur Afiqah Radhiah Zainurin menjatuhkan hukuman terhadap Miah Md Rokib, 22, selepas tertuduh menukar pengakuan kepada bersalah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjarakan enam bulan jika gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, Miah bersama-sama seorang rakan sejenayah yang masih bebas didakwa dengan sengaja mendatangkan cedera kepada mangsa berusia 23 tahun.

Dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibacakan bersama Seksyen 34 kanun sama.

Kesalahan didakwa dilakukan di Blok L-G-16, Pangsapuri Kesidang, Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, di sini, kira-kira jam 7 malam pada 1 Oktober 2024.

Warga Bangladesh kurung, cederakan wanita OKU kena denda RM2,000



MIAH (kiri) didenda RM2,000 atas kesalah mencederakan dan mengurung wanita OKU.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa secara salah mengurung mangsa sama di tempat, masa dan pada tarikh sama.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 342 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Peguam K Ramalingam yang mewakili tertuduh memohon hukuman denda paling ringan atas alasan ia adalah kesalahan pertama anak guamnya selain sudah insaf dan berjanji tidak mengulanginya.

Katanya, tertuduh sudah lima tahun menetap di Ma-

laysia dan hanya bekerja di kedai runcit dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

Pegawai Pendakwa Inspektor Norhayati Yusof pula memohon hukuman setimpal berbentuk pengajaran dikenakan terhadap tertuduh.